

Dr. Mahathir mahu jawapan, bukan kuasa

KANGAR 14 Ogos - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim bersejua dengan pandangan Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin bahawa bekas Perdana Menteri bukannya mahu merampas kuasa apabila mengkritik kepimpinan kerajaan sekarang.

Menurutnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad hanya mahukan jawapan terhadap beberapa persoalan yang dibangkitkannya sejak kebelakangan ini dan masalah itu boleh diselesaikan apabila beliau berpuashati dengan jawapan yang

diberikan.

"Saya percaya apa yang disuarakan oleh Dr. Mahathir selama ini tidak sampai ke tahap begitu (menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini hari ini.

Sebab itulah katanya, perlu ada pertemuan empat mata antara Dr. Mahathir dan Perdana Menteri agar segala masalah yang timbul dapat diselesaikan oleh kedua-dua tokoh berkenaan.

Tambahnya, ahli UMNO- juga berharap dan telah banyak mem-

beri cadangan agar masalah itu dapat diselesaikan segera kerana mereka bimbang ia akan membawa masalah lain kepada parti.

Mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Nazri Aziz bahawa tindakan Dr. Mahathir yang berterusan mengkritik pemimpin dan kerajaan bertujuan mahu menghancurkan Abdullah, beliau berkata:

"Dr. Mahathir juga sedar tentang situasi-situasi yang akan timbul sekiranya beliau mempunyai hasrat untuk menjatuhkan keraja-

an Barisan Nasional (BN)," jelasnya.

Katanya, beliau juga berharap Dr. Mahathir berhenti daripada terus melakukan kritikan secara terbuka terhadap kerajaan kerana ia boleh menjejaskan kekuatan parti apabila pembangkang turut serta mengambil kesempatan untuk meraih simpati rakyat.

"Kalau parti pembangkang terus bertindak mengambil kesempatan daripada masalah yang sedang dihadapi oleh UMNO ini, maka masalah yang berlaku sekarang perlu dihentikan," ujarnya.



SHAHIDAN KASSIM